

Kejayaan DEB bukan ukuran, syurga neraka jadi perhitungan

Perubahan pemikiran orang

Oleh DR. MAHATHIR MOHAMAD
Perdana Menteri Malaysia

LUM 19 DEC 1999

S

AYA amat bersyukur kami memperoleh sasaran majoriti dua pertiga untuk Barisan Nasional dalam pilihan raya umum. Namun, majoriti kerajaan dan jurang kemenangan ternyata merosot. Kami juga gagal menawan kembali sebuah negeri dan kehilangan sebuah lagi.

Empat orang anggota kabinet saya kalah dalam pilihan raya. Pihak pembangkang telah menembusi Kedah, negeri kelahiran saya.

Selangor yang merupakan kubu UMNO dan Barisan Nasional telah hilang satu kerusi Parlimen kepada Pas (Parti Islam SeMalaysia) buat pertama kali.

Ternyata sebahagian besar orang Melayu, penduduk bumiputera Malaysia, telah menentang UMNO, parti politik utama mereka.

Biasanya, sebuah kerajaan yang telah menangkis serangan sengit terhadap ekonominya dan memulihkan ekonomi itu dengan begitu berkesan akan mendapat sokongan rakyat.

Hakikatnya, ia mendapat sokongan kalangan kaum Cina yang banyak terlibat dalam perniagaan.

Bagaimanapun orang Melayu sebenarnya tidak terjejas dengan kegawatan mata wang dan ekonomi. Tidak ada pengangguran atau kekurangan bekalan.

Bahkan, kejatuhan mata wang bermakna mereka mendapat lebih banyak ringgit daripada minyak kelapa sawit yang mereka hasilkan dan eksport.

Bagi orang Melayu, isu-isunya bukanlah berbentuk ekonomi. Semuanya berdasarkan kepada persepsi elit berpelejaran baru yang terdedah kepada liberalisme Barat ketika belajar di luar negara dan bentuk Islam yang lebih ekstrem seperti yang diperjuangkan oleh Pas.

Tumpuan kepada liberalisme Barat telah dicetuskan oleh bekas timbalan saya, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Supaya saya meletak jawatan, beliau menyuruh para penyo-

menang di mana Pas kuat dan menyokongnya atas sebab-sebab taktikal. Elit-elit bandar yang mahu mencapai kedudukan politik dengan mengeksploitasi isu Anwar tidak berjaya sama sekali, sungguhpun mereka dapat mengurangkan majoriti calon-calon Barisan Nasional.

Barisan Nasional menang dengan majoriti dua pertiga yang meyakinkan tetapi hilang dua buah negeri kepada Pas.

Semua pemimpin DAP kalah buat pertama kali.

Melainkan Anwar boleh, walau bagaimana jua, menghidupkan isu pemenjarannya, Keadilan mungkin tidak akan bertahan dalam tempoh lima tahun lagi.

Dari satu segi, kejayaan dasar-dasar Barisan Nasional dalam mengurangkan perbezaan ekonomi antara bumiputera Melayu dan kaum Cina telah menyumbang kepada kehilangan sokongan Melayu terhadapnya.

Pada 1969, rusuhan kaum meletus di Kuala Lumpur selepas satu pilihan raya di mana Perikatan, pendahulu kepada Barisan Nasional, tidak begitu baik prestasinya. Rusuhan-rusuhan tersebut dicetuskan oleh sebuah parti Cina yang riuh rendah merayakan "kemenangannya" ke atas orang Melayu.

Ini mendorong perayaan yang sama oleh orang Melayu. Dua kaum ini bergaduh dengan ganasnya di mana orang Melayu membakar rumah-rumah kedai dan kenderaan orang Cina. Selama beberapa hari Kuala Lumpur tidak selamat untuk orang Melayu mahupun orang Cina.

Kerajaan mengenakan perintah berkurung dan memberhentikan rusuhan-rusuhan itu. Tetapi perasaan marah dan kecewa orang Melayu terhadap orang Cina dan sebaliknya, nampaknya berkekalan.

Semua orang, terutamanya orang Barat, meramalkan Malaysia tidak mungkin aman kembali dan ia tidak akan membangun sama sekali. Pemimpin-pemimpin pelbagai kaum dari Perikatan berusaha membaiki kerosakan itu.

Menjejaki punca kebencian kaum itu kepada perbezaan yang besar dalam pengagihan kekayaan di antara kaum, satu dasar bertindak yang tegas, Dasar Ekonomi Baru, telah dirangka di mana usaha khusus akan dibuat untuk membantu orang Melayu dan masyarakat bumiputera lain mengejar kaum Cina dalam bidang ekonomi.

Melayu

kongnya dalam parti mengutuk apa yang didakwa sebagai kronisme, nepotisme dan kurang telus dalam kerajaan.

Beliau menyangka serangan itu akan disokong dengan meluas sekali di kalangan pemimpin akar umbi parti, terutama semasa Perhimpunan Agung UMNO 1998, sehingga saya terpaksa meletak jawatan dan beliau akan mengambil alih sebagai pengganti yang direstui.

Malang bagi beliau, perhimpunan memberi sokongan penuh kepada saya. Bagaimanapun, bangkangan terhadap dakwaan salah laku kerajaan itu diteruskan oleh parti-parti pembangkang dan badan-badan bukan kerajaan.

Selepas itu, apabila Anwar disingkirkan daripada jawatannya ekoran pendedahan bahawa beliau terlibat dalam aktiviti-aktiviti tidak bermoral yang tidak dapat diterima, dan beliau kemudiannya ditahan dan didakwa kerana menyalahgunakan kuasanya, pihak pembangkang segera membangkitkan sokongan popular kepadanya.

Pengikut-pengikutnya di dalam dan di luar parti serta pembangkang yang oportunis memanjangkan dakwaannya bahawa penyingkiran beliau adalah hasil satu konspirasi untuk menghalangnya daripada menjadi Perdana Menteri. Salah laku beliau dan pelanggaran undang-undang tidak diendahkan sungguhpun beliau dibicarakan di mahkamah terbuka.

Beliau berjaya meyakinkan pengikut-pengikutnya bahawa mahkamah menerima arahan daripada Perdana Menteri.

Elit-elit yang berpelajaran, terutamanya golongan profesional yang bergaji, menganggap mereka yang berkuasa dan dalam kedudukan untuk dirasuah, semestinya korup.

Bukti rasuah tidak perlu. Begitu juga, kejayaan sesiapa jua dalam perniagaan, sama ada mereka adalah rakan atau anak para pemimpin atau tidak, mesti disebabkan oleh kronisme dan nepotisme. Mereka ini seterusnya menjadi anti-kerajaan.

Kebanyakan elit berpelajaran ini telah diasuh malah didoktrinkan oleh Pas semasa mereka masih pelajar lagi. Mereka telah disemai dengan sentimen menentang pemerintahan.

Mereka segera mempertahankan Anwar apabila beliau melancarkan satu kempen menentang apa yang didakwa rasuah dan sebagainya oleh kerajaan sebaik sahaja beliau disingkirkan daripada jawatannya.

Pas dan parti-parti pembangkang lain melihat kempen anti-kerajaan oleh Anwar itu sebagai suatu peluang untuk memperoleh lebih banyak undi.

Sama ada mereka percaya beliau tidak bersalah atau sebaliknya, kisah Anwar telah mengumpulkan parti-parti pembangkang dalam satu gabungan longgar yang secara tidak langsung menjadikan pilihan raya kali ini pertandingan satu lawan satu antara dua parti, gabungan Barisan Nasional melawan gabungan empat parti pembangkang.

Pas paling banyak mendapat keuntungan daripada penggabungan pembangkang ini. Parti Tindakan Demokratik (DAP) yang begitu cauvinis Cina telah hilang populariti kerana hubungannya dengan Pas dan pengumuman hasratnya untuk menubuhkan sebuah negara Islam.

Keadilan, parti yang diwujudkan oleh Anwar, hanya

Pertumbuhan ekonomi

Ini akan dicapai dengan menggerakkan pertumbuhan ekonomi supaya daripada pertumbuhan itu, satu jumlah yang lebih besar dapat diperuntukkan kepada masyarakat bumiputera. Tidak ada pengambilan kekayaan daripada kaum Cina.

Bagi melaksanakan dasar ini, kerajaan mewujudkan beratus-ratus ribu biasiswa supaya setiap orang Melayu yang mempunyai apa jua kebolehan akan mendapat pendidikan sehingga ke peringkat universiti.

Berpuluh-puluh ribu dihantar ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran dengan kos yang amat besar. Universiti-universiti tempatan menerima lebih ramai pelajar Melayu daripada bukan Melayu.

Menyerusi lesen pemberian perniagaan, pinjaman mudah, kontrak dan sebagainya, ahli-ahli perniagaan Melayu yang bertunas ini telah diberi pendahuluan.

Sememangnya banyak yang gagal tetapi sebahagian daripadanya berjaya dan bangkit menjadi usahawan berjaya dan ahli-ahli perniagaan terkemuka dengan kepentingan di serata dunia.

Menjelang 1990-an, perbezaan besar antara orang Cina dan Melayu telah dikurangkan dengan ketara.

Apabila kerajaan Barisan Nasional memulakan Dasar Ekonomi Baru, UMNO secara naifnya percaya bahawa orang Melayu yang merupakan kumpulan utama mendapat manfaat daripada dasar ini akan berterima kasih atau sekurang-kurangnya menghargai apa yang parti itu, menerusi Barisan Nasional, lakukan untuk mereka.

Mereka menjangkakan bahawa di kalangan elit-elit baru itu akan ada penyokong dan pemimpin yang akan meneruskan dasar tersebut sehingga objektifnya dicapai sepenuhnya.

Malangnya, sebarang rasa terhutang budi atau penghargaan telah dirosakkan oleh Pas yang lebih awal mendekati pelajar-pelajar itu dan mengajar mereka bahawa mana-mana kerajaan pun akan melakukan perkara yang sama untuk mereka.

Mereka tidak perlu rasa terhutang budi dan berterima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional. Mereka tidak perlu rasa terhutang budi padanya dalam apa jua perkara. Mereka hanya perlu berterima kasih kepada Allah dan tidak kepada orang lain, walaupun bagaimana penting sekalipun mereka dalam mewujudkan dan mengagihkan keuntungan itu.

Bahawa perkara ini bertentangan dengan ajaran sebenar Islam tidak dihiraukan oleh Pas. Sebaik saja rasa kewajipan terhadap kerajaan yang dipimpin oleh UMNO musnah, Pas mampu mendapat sokongan padu dengan mendakwa Pas adalah Islam dan semua orang Islam mesti menyokong Pas.

Bermula dari situ, Pas boleh berbohong malah memburuk-burukkan Allah dan ia masih mengekalkan sokongan jitu ahli-ahli dan penyokong-penyokongnya. Bukanlah keterlaluan untuk menyatakan bahawa pengikut dan penyokongnya percaya kepada Pas sebagai suatu kepercayaan

agama, bukan kepercayaan politik.

Kerjasama antara Pas dan cauvinis Cina DAP juga diterima tanpa soal oleh pengikut-pengikut Pas.

Orang Cina sebaliknya menolak DAP kerana penyekutuannya dengan Pas dilihat oleh mereka sebagai sokongan kepada orang Islam ekstremis yang mahukan sebuah negara Islam di mana orang Cina akan menjadi warga negara kelas dua tertakluk di bawah undang-undang Islam.

Ada sebab-sebab lain mengapa UMNO hilang sebahagian besar sokongannya daripada orang Melayu.

Tentunya, ada keangkuhan kuasa, tidak selalunya terhad kepada pemimpin dalam kerajaan tetapi juga di kalangan pemimpin parti lain dan ahli-ahli biasa juga.

Pergaduhan antara parti yang berpunca daripada persaingan individu dan kekecewaan kerana diketepikan sebagai calon juga melemahkan parti. Mungkin ada sebab-sebab lain lagi yang perlu dikenal pasti.

Secara amnya, selepas kemakmuran selama empat dekad, orang Melayu mula percaya bahawa tidak ada sesuatu pun sekarang yang dapat menjejaskan kedudukan dominan mereka dalam politik Malaysia.

Mereka percaya bahawa mereka tidak perlu bersatu lagi mahupun memerlukan naungan kerajaan.

Demikianlah keyakinan mereka sehinggakan apabila Pas mengemukakan tindakan yang jelas menguntungkan orang Melayu, mereka terus setia kepada Pas.

Di bawah pemerintah British, amat sedikit orang Melayu boleh mendapat pendidikan universiti. Saya salah seorang daripada yang sedikit itu. Bilangan pelajar bukan Melayu mengatasi pelajar Melayu 10 kepada satu.

Hari ini, mana-mana orang Melayu boleh mendapat biasiswa untuk ke universiti. Jika mereka tidak layak, kerajaan menyediakan latihan khas supaya mereka dapat ke universiti dengan kelayakan minimum.

Jadi, bukanlah satu kelebihan lagi untuk mendapat biasiswa dan pergi ke universiti. Ia sudah menjadi hak mereka. Jika anda berasa ia satu hak, maka anda tidak akan berasa terhutang budi kepada kerajaan.

Memandangkan tidak ada rasa terhutang budi, mereka tidak merasakan perlu untuk belajar bersungguh-sungguh. Mereka melibatkan diri secara serius dalam politik berpihak.

Mereka biasanya mempunyai prestasi buruk dalam pengajian. Ini bukan disebabkan orang Melayu tidak bijak tetapi tanpa belajar tidak ada orang boleh mendapat kepu-tusan baik.

Kerajaan perlu menilai situasi ini, melihat sama ada orang Melayu benar-benar mampu untuk bersaing secara bersendirian. Jika betul, sudah pasti kerajaan perlu berhenti membantu mereka.

Sebaliknya, jika orang Melayu tidak mampu, mereka perlu terus mendapat bantuan kerajaan. Mungkin juga orang Melayu telah berasa puas hati kerana mereka sudah berjaya.

Mungkin juga mereka hanya membayangkan mereka berkemampuan. Secara peribadi, saya tidak fikir mereka mampu. Mereka masih perlu diberi keistimewaan, didahulukan. Sebaik sahaja tindakan afirmatif itu ditinggalkan, ia tidak boleh dibawa kembali lagi.

Sebenarnya, saya bercadang untuk mengadakan pilihan raya pada Januari 2000, selepas bulan puasa. Tetapi Pas mungkin menggunakan pelbagai majlis keagamaan pada bulan itu untuk meracuni pemikiran orang Islam terhadap kerajaan.

Orang ramai tidak dapat melaksanakan ibadat mereka dengan aman.

Saya perlu berfikir semula. Saya telah pergi ke seluruh

negara dan mendapati semangat penyokong-penyokong kami tinggi dan mereka sudah bersedia. Saya tidak fikir saya dapat meningkatkannya lagi.

Saya tidak mengambil masa yang lama untuk membuat keputusan. Saya tidak berunding dengan sesiapa pun. Malahan, isteri saya juga tidak tahu. Beliau sedang bersiap-siap untuk ke Afrika Selatan bagi menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel yang saya akan hadiri.

Media Barat, seperti dijangka, mengancam kerajaan Malaysia kerana bersikap tidak adil kepada parti-parti pembangkang, tidak mendapat kebebasan akhbar dan sebagainya, semasa pilihan raya.

Kecenderungan mengkritik

Malahan, penawanan dua buah negeri oleh Pas dan peningkatan dalam jumlah wakil-wakil mereka yang dipilih juga tidak meyakinkan pihak Barat bahawa pilihan raya itu adil.

Hakikatnya, media Barat melihat tidak ada satu pun yang betul mengenai Kerajaan Malaysia.

Kecenderungan saya mengkritik mereka dan negara-negara Barat tidak membuat saya disukai mereka. Mereka suka jika pemimpin-pemimpin Asia tunduk kepada pembulian Barat. Ia bukanlah soal kita demokratik atau saksama atau adil yang mereka pertingkatkan.

Mereka telah diketahui menyokong diktator-diktator jika diktator itu bersekutu kepada Barat. Oleh itu, reaksi negatif mereka sememangnya diduga. Saya sejak dahulu tidak lagi mengendahkan apa yang media Barat kata mengenai negara kami.

Kenyataan bahawa Malaysia berjaya mengekalkan keamanan dan keharmonian dalam negara berbilang bangsa ini, bahawa kami sendiri berjaya mengatasi serangan pedagang-pedagang mata wang, hanya menjadikan media Barat lebih marah. Dengan itu, kami akan terus mendapat komen buruk daripada mereka.

Demokrasi adalah sistem politik terbaik yang dicipta oleh manusia. Bagaimanapun, ia jauh daripada sempurna.

Parti-parti yang berebut untuk dipilih ke kerusi-kerusi pilihan raya sering menyalahgunakan sistem itu. Pegangan agama boleh dipesongkan demi mendapat sokongan.

Sogokan ditawarkan dan di Malaysia, orang Islam dijanjikan dengan syurga di akhirat jika mereka mengundi untuk parti Islam.

Peraturan yang tidak popular tetapi perlu terpaksa dibuang kerana bimbang hilang sokongan. Kadang kala, dalam satu sistem dua parti, majoriti kecil boleh membawa kepada kerajaan yang kurang berkesan kerana bimbangkan pembelotan.

Mogok dan rusuhan boleh menghalang pembangunan. Di sebalik menguntungkan rakyat, demokrasi boleh membantutkan pertumbuhan, memiskinkan dan malah membawa kepada dominasi neoimperialis.

Saya bersyukur kerana setakat ini Malaysia dapat mempraktikkan demokrasi dan kekal aman dan stabil serta membangun dengan agak pantas. Saya tidak pasti ini akan kekal selamanya.

Pilihan raya baru-baru ini menunjukkan bahawa pembohongan dan rasuah serta janji-janji kosong untuk kehidupan akhirat boleh memenangi kerusi dan meletakkan orang yang tidak berprinsip dalam kuasa.

Rencana ini diambil dari kolum bulanan Dr. Mahathir dalam akhbar *Mainichi Daily News*. Jepun.